

Haji Shafie bimbang ²

B. Harian (M)

10 AUG 1988

WALAUPUN Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) menentapkan juara dan naib juara kebangsaan '88 secara automatik terpilih menjalani latihan ke Sukan SEA '89, hanya pesilat benar-benar beribawa akan disenaraikan. *PINAKA / 11/88*

Pengurus skuad silat Sukan SEA '89, Haji Shafie Abdul Rahman, berkata beliau tidak teragak-agak mengetepikan juara kebangsaan jika sepanjang latihan persembahan mereka merosot.

"Kita mahu peserta terbaik untuk mewakili negara walaupun di kejohanan lalu mereka bukan juara," katanya.

Beliau terpicat dengan kebolehan pesilat muda seperti Tuan Zailani Tuan Man (Kelantan), Yatim Mustapha (Kedah), Maziha Bakri dan Laili Abdul Majid (Johor), yang jika dibimbing lebih sistematik, boleh menceraikan harapan negara meraih lebih banyak pingat emas.

Katanya, masih ramai pesilat berkebolehan tinggi kecundang di peringkat awal kejuaraan kebangsaan atas sebab-sebab tertentu, tetapi mereka layak diberi pertimbangan mengikuti latihan pusat.

"Saya belum dapat memberi keputusan ini, tetapi beberapa nama ada dalam cadangan untuk diserap dalam skuad negara nanti," katanya.

Menurut beliau, kedudukan semua pesilat negara akan dinilai dalam latihan pusat peringkat kedua di Kuala Terengganu pada 15-22 Ogos ini, sebelum mereka disenarai ke Kejohanan Undangan Singapura dua hari selepas itu.

Mereka ialah Ahmad Rafee Yaacob, Mohd Basri Abdul Rahman (Kelas A), Ahmad Wardi Salim, Azmi Manaf (B), Meor Badrul Hisham, Khairi Abdul Rahman (C), Zakri Ibrahim, Ahmad Khusairi Ibrahim (D), Rauf Abdullah, Azahari Idris (E), Rozaidi Abdul Rahman, Wan Adnan Wan Isa (F), Wan Aminuddin Baki, M Rajaretanam (G), Azam Abas, Zulfakar Abdul Majid (H), Sezali Said, Mohd Suhairi Mohd Rasul (I), Azam Mokhtar, Mohd Zain Yaacob dan Mazlan Abdul Samad (Bebas).

ManYkala pesilat wanita, Normala Yaacob, Nazrah Abdul Latif (A), Wan Amizah Wan Ahmad, Masliza Abu Bakar (B), Hamidah Mahat, Siti Haslina Shahrudin (C), Rohana Manaf, Siti Anida Mahadi (D), Zaleha Suradi dan Nor Anifah Abdul Rahim (E).

SILAT/ Dianggap tidak cintakan negara

Pesilat yang tidak hadir latihan pusat digugurkan

B. Harian (M)

Oleh MOHD RAHIME YUSOF

PERSEKUTUAN Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) akan menggugurkan pesilat yang dipilih ke Sukan SEA '89 jika gagal menghadiri latihan pusat peringkat kedua di Kuala Terengganu, bermula esok hingga 22 Ogos ini.

Keputusan untuk menggugurkan mereka yang tidak melaporkan diri tanpa alasan dianggap wajar kerana Pesaka tidak berhasrat mengekalkan pesilat yang tidak bersemangat cintakan negara. *PINAKA / 11/88*

Pengurus skuad Sukan SEA '89, Haji Shafie Abdul Rahman, berkata semua juara dan naib johan Kejuaraan Kebangsaan baru-baru ini, sudah dipanggil menjalani latihan pusat itu.

15 AUG 1988

Kudis

"Saya berhak menyenaraihitamkan pesilat terbabit selepas dipersetujui oleh ahli majlis Pesaka. Kami tidak mahu memaksa mereka yang tidak berminat kerana masih ramai pesilat lain yang boleh diketengahkan," katanya.

Beliau memberi tempoh dua hari selepas tarikh melaporkan diri hari ini kepada mereka yang terbabit untuk berbuat demikian. Jika sebaliknya, mereka digugurkan secara automatik.

"Saya mahu pesilat yang berdisiplin sahaja kerana kkuatir mereka yang tidak bersemangat demikian boleh menjadi 'kudis' kepada usaha pembentukan skuad yang benar-benar beribawa," katanya.

Haji Shafie menjelaskan, latihan kali ini akan lebih ditumpukan kepada teknik bagi meningkatkan keberkesanan kepada semua pesilat. latihan itu adalah untuk menyediakan mereka untuk menghadapi Kejuaraan Undangan Singapura bermula 26 Ogos ini.

Pesilat yang dipanggil mengikuti latihan ialah Ahmad Rafee Yaacob, Mohd Basri Abdul Rahman (Kelas A), Ahmad Wardi Salim, Azmi Manaf (B), Meor Badrul Hisham, Khairi Abdul Rahman (C), Zakri Ibrahim, Ahmad Khusairi Ibrahim (D).

Rauf Abdullah, Azahari Idris (E), Rozaidi Abdul Rahman, Wan Adnan Wan Isa (F), Wan Aminuddin Baki, M Rajaretanam (G), Azam Abas, Zulfakar Abdul Majid (H), Sezali Said, Mohd Suhairi Mohd Rasul (I), Azam Mokhtar, Mohd Zain Yaacob dan Mazlan Abdul Samad (Bebas).

Pesilat wanita pula ialah Normala Yaacob, Nazrah Abdul Latif (A), Wan Amizah Wan Ahmad, Masliza Abu Bakar (B), Hamidah Mahat, Siti Haslina Shahrudin (C), Rohana Manaf, Siti Anida Mahadi (D), Zaleha Suradi dan Nor Anifah Abdul Rahim (E).